

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK PAUL IGAI**

**TARIKH : 8 MEI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji dan mengukuhkan semula struktur operasi pelabuhan negara khasnya pelabuhan-pelabuhan Persekutuan yang operasinya kini telah diswastakan memandangkan kini dapat dilihat pertumbuhan dagangan di rantau Asia Pasifik semakin berkembang pesat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, konsep penswastaan melalui kaedah *Built-Operate-Transfer* (BOT) adalah kaedah lazim yang digunakan bagi konsesi penswastaan pelabuhan-pelabuhan persekutuan Malaysia. Melalui kaedah ini, pelaburan bagi pembinaan dan peningkatan fasiliti dan operasi pelabuhan dapat dibuat oleh pihak swasta dengan kadar maksimum dan aset serta fasiliti yang dibangunkan kekal menjadi milik Kerajaan setelah tamat tempoh konsesi tersebut.
2. Kajian *National Port Strategy* (NPS) dengan izin, telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) dengan kerjasama World Bank Group pada tahun 2016. Kajian tersebut telah memberikan fokus antara lain berhubung penggunaan keseluruhan (utilization) fasiliti pelabuhan berdasarkan kepada permintaan syarikat perkapalan (shipping lines), aspek pengawal seliaan Kerajaan dan Lembaga Pelabuhan, perolehan peruntukan bagi peningkatan fasiliti dan operasi pelabuhan dan aktiviti hiliran maritim yang menyokong sektor pelabuhan.
3. Berdasarkan hasil kajian tersebut, inisiatif-inisiatif dan strategi penambahbaikan bagi meningkatkan operasi pelabuhan-pelabuhan utama negara sedang dalam perancangan Kementerian. Lembaga-lembaga Pelabuhan juga telah memainkan peranan dalam memastikan operator-operator pelabuhan yang dilesenkan melaksanakan pelan pembangunan pelabuhan seperitimana yang

**NO. SOALAN: 17**

telah dipersetujui berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani.

4. Pada ketika ini, pelan pembangunan sedang dan akan dilaksanakan antaranya pelan pembangunan pembesaran Pelabuhan Barat (*Westport*) *Contena Terminal* (CT) 10 hingga CT 15 dan selanjutnya hingga ke CT 19 bergantung kepada keperluan dan penggunaan kapasiti dermaga pada masa akan datang di Pelabuhan Klang. Selain daripada itu, Pelabuhan Kuantan turut dalam proses pembangunan *New Deep Water Terminal* – NDWT yang kini telah selesai bagi Fasa Pertama dan sedang dalam proses bagi pembangunan selanjutnya. Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) juga ketika ini dalam proses bagi meningkatkan prestasi pengendalian pelabuhan melalui pelaksanaan pembangunan Fasa 3A bagi kerja-kerja awalan seperti projek pendalaman alur layar utama (*capital dredging*) sehingga 18 meter *Chart Datum* (CD).
5. Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa pelabuhan-pelabuhan sedia ada masih lagi mampu untuk terus berdaya saing dengan lain-lain pelabuhan di serantau mahupun di dunia.

Sekian, terima kasih.